

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RHS 508 – PENGURUSAN DAN KEWANGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Laporan yang dikeluarkan oleh kerajaan menunjukkan terdapat sebanyak 493 projek perumahan yang keseluruhannya bernilai RM15 Billion terbengkalai diseluruh negara. Pada pandangan anda apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan masalah ini dan berikan cadangan untuk mengatasinya.

(25 MARKAH)

2. Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam proses meminda Akta Pemaju Perumahan 1961. Alasan utama membuat pindaan ini ialah untuk melindungi kepentingan pembeli selain meningkatkan profesionalisme pemaju-pemaju perumahan. Pada pandangan anda, apakah kelemahan-kelemahan utama akta yang digunakan sekarang?

(25 MARKAH)

3. Sejauh manakah Analisis Nisbah berguna untuk mengukur prestasi sesebuah firma? Bincangkan dalam konteks Analisis Kecairan, Analisis Pengurusan Aset dan Analisis Keuntungan.

(25 MARKAH)

4. Sebuah Syarikat telah memutuskan untuk menjalankan satu projek pembangunan harta tanah di atas sebidang tapak seluas 25 hektar yang terletak di Balik Pulau, Pulau Pinang. Anda telah dilantik sebagai konsultan untuk memberi nasihat berhubung proses dan prosidur yang perlu dilalui supaya cadangan berkenaan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Beriuraian tentang apa yang akan anda nasihatkan.

(25 MARKAH)

5. Berikan pandangan anda tentang apakah faktor-faktor sebenar yang menyebabkan kekurangan dalam perbekalan perumahan kos rendah khususnya dalam kawasan bandar dan pinggir bandar. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

(25 MARKAH)

6. Firma-firma yang disenaraikan di BSKL mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan firma-firma yang tidak tersenarai. Apakah kelebihan-kelebihan ini?

(25 MARKAH)